



10 DEC, 2021

Pencapaian Jemaah Menteri pada tahap 90 peratus

Sinar Harian, Malaysia





10 DEC, 2021

Pencapaian Jemaah Menteri pada tahap 90 peratus

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 3

100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia berjaya memberikan manfaat kepada rakyat

Oleh MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY

KUALA LUMPUR

Laporan 100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia membuktikan bahawa kerajaan bukan bakaikan 'menumbuk padi hampa', sebaliknya impak yang terhasil berjaya memberikan manfaat kepada rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ismail Sabri berkata, walaupun pencapaian ahli Jemaah Menteri berada pada tahap 90 peratus, namun pelbagai penambahbaikan telah berjaya dirangka dalam tempoh 100 hari tersebut.

Beliau berkata, ia dibuktikan dengan kejayaan Aspirasi Keluarga Malaysia berdasarkan enam teras utama yang telah ditetapkan.

"Setengah prestasi tidak boleh dinilai daripada kaji selidik semata-mata. Maka, peratusan yang dicapai ini bukan alasan untuk kita mendabik dada, sebaliknya ia menyuntik kesungguhan dan iltizam untuk kami terus bekerja bersama rakyat.

"Sasaran penuh petunjuk prestasi utama (KPI) ini tidak mustahil untuk dicapai sekiranya seluruh ahli Jemaah Menteri dengan kerjasama penjawat awam tidak menggembleng tenaga dan memberikan perkhidmatan terbaik serta berkesan kepada Keluarga Malaysia," katanya ketika Majlis Perasmian 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini pada Khamis.

100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia merupakan matlamat yang ditetapkan Ismail Sabri semasa ucapan pembentukan kabinet baharu pada 27 Ogos lalu.

Aspirasi tersebut diketengahkan sebagai satu manifestasi bagi memastikan budaya kerja berprestasi tinggi dalam kalangan penjawat awam terutama dalam menghadapi tempoh pasca pandemik Covid-19.

Aspirasi Keluarga Malaysia 100 Hari diukur berdasarkan Perkhidmatan Teras Kementerian sebanyak 50 peratus, selain Penilaian Prestasi Menteri (25 peratus) dan Persepsi Awam (25 peratus) terhadap menteri dan kementerian.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri menjelaskan, prestasi tersebut bukan hanya memberikan tumpuan kepada KPI semata-mata, tetapi mengambil kira persepsi Keluarga Malaysia melalui tinjauan soal selidik yang diberikan.

"Penglibatan seramai 190,914 ahli Keluarga Malaysia dalam menilai kepimpinan, integriti, komunikasi, kebolehpercayaan, responsif dan empati setiap Jemaah Menteri dan kementerian amatlah dihargai.

"Hal ini selaras dengan Keberhasilan Kebahagiaan atau Key Happiness

Pencapaian Jemaah Menteri pada tahap 90 peratus



Ismail Sabri berucap ketika Perasmian 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Khamis.

Outcome (KHO) yang telah diperkenalkan dalam Keluarga Malaysia untuk melengkapi KPI yang didasarkan," ujarnya.

Pencapaian Teras Pertama: Menstrukturkan Semula Ekonomi

Menurut Ismail Sabri, kejayaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) melalui kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) membolehkan pembukaan penuh sektor ekonomi.

"Angka mutakhir kadar pengangguran sudah berkurangan kepada 4.3 peratus pada Oktober 2021 berbanding kemuncak 5.3 peratus pada Mei 2020.

"Angka terbaharu ini juga lebih rendah berbanding dua bulan sebelumnya menunjukkan bahawa 100 hari pertama membawa keberhasilan hakiki dalam aspek peluang pekerjaan," jelas beliau.

Pencapaian Teras Kedua: Menjamin Keselamatan, Ketenteraman Negara

Dalam aspek keselamatan negara, Ismail Sabri menjelaskan, keselamatan awam terus menjadi keutamaan kerajaan.

"Kementerian Pertahanan telah meningkatkan kawalan sempadan melalui 37 Operasi Benteng dalam tempoh 100 hari.

"Kementerian Dalam Negeri pula telah memperkukuhkan penguatkuasaan keselamatan terutama dalam menangani isu pendatang asing tanpa izin (PATI).

"Dalam usaha kerajaan memperkukuhkan keselamatan negara di peringkat antarabangsa, Kementerian Luar Negeri telah memuktamadkan Kerangka

Dasar Luar Negeri," jelasnya.

Pencapaian Teras Ketiga: Meningkatkan Kesejahteraan Sosial

Ismail Sabri berkata, kerajaan akan terus menyediakan bantuan yang dapat memperkasakan kesejahteraan sosial Keluarga Malaysia.

"Peruntukan sebanyak RM8.2 bilion melalui Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) disalurkan kepada 9.6 juta penerima yang layak tanpa mengira latar belakang kaum secara berperingkat.

"Saya juga telah melancarkan Yayasan Keluarga Malaysia pada 23 Oktober lalu sebagai manifestasi kasih sayang seluruh Keluarga Malaysia untuk menjaga kebajikan, pendidikan dan masa depan anak-anak keluarga Malaysia yang terkesan dengan Covid-19 dan bencana lain," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan juga berjanji merencanakan usaha mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan belia.

"Hari ini juga saya ingin mengumumkan sebanyak 24,300 peluang pekerjaan melibatkan 75 majikan ditawarkan melalui Karnival Kerjaya menerusi program Aspirasi 100 Hari sepanjang empat hari ini," katanya.

Pencapaian Teras Keempat: Mempertingkatkan Infrastruktur Menyeluruh

Perdana Menteri juga menegaskan, kerajaan memandang serius untuk memastikan infrastruktur dapat dipertingkatkan di seluruh negara.

"Antara fokus yang diberi perhatian

ialah program perumahan untuk golongan bersasar. Dalam tempoh 100 hari ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah membina 800 unit rumah dengan status kemajuan sekurang-kurangnya 75 peratus siap yang memberikan manfaat kepada 4,000 isi rumah.

"Saya juga telah melancarkan inisiatif Kediaman Rumah Keluarga Malaysia (Rumah Ikram Keluarga Malaysia) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Selain itu, Kementerian Pertahanan telah merancang untuk membina 28,033 unit Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT)," katanya.

Pencapaian Teras Kelima: Memperkukuh Penyatuan Dalam Acuan Keluarga Malaysia

Ismail Sabri turut menjelaskan, dalam usaha menyatupadukan Keluarga Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara menubuhkan Pusat Mediasi Komuniti di enam negeri, selain 300 pusat rukun tetangga dan 14 pusat aktiviti perpaduan dengan 100 mediator di seluruh negara bagi menguruskan isu berkaitan kaum dan agama dalam komuniti.

"Dalam melestarikan seni, budaya dan warisan negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta agensi Kraftangan Malaysia telah mengembleng pelbagai inisiatif untuk memacu sektor pelancongan negara, industri kraf dan batik tempatan," katanya.

Pencapaian Teras Keenam: Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, dalam teras keenam, Kementerian Dalam Negeri telah membangunkan dan memperluaskan perkhidmatan dalam talian untuk memudahkan urusan rakyat.

"Antara usaha yang berjaya diperluaskan seperti permohonan pasport Malaysia antarabangsa secara dalam talian yang bermula pada 11 November lalu dengan pencapaian sebanyak 50.08 peratus atau 145,612 permohonan," katanya.

Janji kerajaan

Menurut Ismail Sabri, pelaporan pencapaian 100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia penting dalam menentukan hala tuju agar Keluarga Malaysia dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

"Saya tidak dapat menyebut Aspirasi 100 hari kesemua kementerian satu persatu, namun rakyat boleh meneliti pencapaian mereka melalui program ini yang berlangsung sehingga 12 Disember di KLCC," kata beliau.



10 DEC, 2021

Pencapaian Jemaah Menteri pada tahap 90 peratus

Sinar Harian, Malaysia



SUMMARIES

8 PM beri markah 90 peratus prestasi 100 hari jemaah menteri

100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia berjaya memberikan manfaat kepada rakyat

Laporan 100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia membuktikan bahawa kerajaan bukan bagaikan ‘menumbuk padi hampa’, sebaliknya impak yang terhasil berjaya memberikan manfaat kepada rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Ismail Sabri berkata, walaupun pencapaian ahli Jemaah Menteri berada pada tahap 90 peratus, namun pelbagai penambahbaikan telah berjaya dirangka dalam tempoh 100 hari tersebut.